

Penerbitan Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial beri sumbangan besar kepada UMS

NSP 7.12.2017 8
OLEH MARRYAN RAZAN

KOTA KINABALU: Penerbitan Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial (JPsiKS) dan e-Buletin mampu memberikan sumbangan besar kepada ranking dan pengiktirafan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di peringkat antara-bangsa.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata, ini kerana satu daripada pengiktirafan ranking universiti adalah melalui cabang penerbitan.

"Penerbitan Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial merupakan satu lagi penanda aras bahawa Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial telah meletakkan dirinya ke

tahap yang lebih baik dan sesuai dengan misinya untuk menghasilkan penyelidikan berkualiti tinggi.

"Dengan itu, artikel yang terbaik juga dapat dihasilkan seterusnya dapat dikongsikan dengan para ilmuan dan pengkaji yang lain.

"Oleh itu saya percaya jurnal ini mampu memberikan sumbangan yang besar kepada ranking universiti kelak," katanya dalam teks ucapan sempena Pelancaran Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial (JPsiKS), e-Buletin dan TESL Service Centre (TSC), di Auditorium Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS, di sini, kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof. Dr

Shahril Yusof.

Turut hadir Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS Prof. Dr. Haji Mohd Dahlan A Malek.

D Kamarudin berkata, melalui e-Buletin, maklumat tentang kecemerlangan fakulti dapat disalurkan secara online, lebih pantas dan mudah dicapai.

"Saya percaya dengan penyaluran maklumat yang mudah, masyarakat luar akan lebih terinspirasi dengan Fakulti Psikologi dan Pendidikan dan UMS secara umumnya," katanya.

Beliau berkata, setiap tahun UMS menerima kemasukan pelajar antara-bangsa dan melalui e-buletin ini, akan menjadi platform bagi calon pelajar antarabangsa lain meminati



CENDERA KENANGAN.. Shahril (tengah) menyampaikan cendera kenangan kepada Dahlan.

aktiviti atau bidang yang mereka ceburi jika menjadikan UMS sebagai pilihan.

"Begitu juga dengan TESL Service Centre, dengan adanya pusat ini, para pelajar dapat menyumbang ilmu yang mereka peroleh dalam bidang TESL kepada masyarakat sekaligus memperkasakan kompetensi mereka dalam penguasaan bahasa Inggeris," katanya.

D Kamarudin berkata, kecemerlangan sesebuah universiti bergantung pada hasil yang diperoleh dan sumbangan itu pastinya akan lebih memberi makna serta konsisten jika ada asas yang kukuh.

"Pengukur bagi kecemerlangan ini adalah daripada ranking yang diperolehi. Oleh itu saya berharap pelancaran jurnal, e-buletin dan TESL Service Centre, Fakulti Psikologi dan Kesihatan Sosial serta UMS mampu menghasilkan idea kreatif dan inovatif serta berimpak tinggi," katanya.

Sementara itu Mohd Dahlan berkata, jurnal-jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial dapat membantu

memandu cara institusi keluarga membina keluarga bahagia melalui dapatan penyelidikan yang kini dijurnalkan.

Beliau berkata, ini kerana responden kepada kebanyakan penyelidikan berkaitan psikologi adalah mereka yang bergelar ketua keluarga (ibu bapa).

"Misalnya, melalui satu kajian pada tahun 1995, ada menyatakan bahawa kecemerlangan individu, yakni anak adalah dipengaruhi oleh 20 peratus kecerdasan dalam intelek dan 80 peratus pula dipengaruhi kecerdasan emosi.

"Maka ibu bapa perlu menyedari serta membina satu amalan untuk melatih dan membantu meningkatkan kecerdasan emosi anak-anak mereka agar dibantu ke arah kecemerlangan terutamanya dalam bidang akademik," katanya.

Dalam konteks jabatan dan alam pekerjaan, Mohd Dahlan berkata, penyelidikan yang dijurnalkan boleh menjadi panduan kepada ketua organisasi untuk mengurus manusia secara berkesan.



SHAHRIL (baris depan, tiga dari kanan) bergambar bersama pelajar Fakulti Psikologi dan Pendidikan.